

# Keupayaan wanita bukan ancaman

## Kebolehan tanpa membezakan gender patut diutamakan



**NIK SALIDA SUHAILA**

**Pensyarah Kanan**  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang  
Universiti Sains  
Islam Malaysia

Tiada apa yang perlu dibimbangkan apabila wanita dijamin hak kesamarataan gender dalam perkhidmatan awam seperti termaktub dalam Peraka 8 Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia 1948 juga mengiktiraf kesaksamaan hak sekali gus memberi keadilan kepada setiap individu yang layak untuk berkhidmat tanpa mengira jantina.

Sebagai negara yang mengiktiraf Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita 1979, Malaysia berkeyakinan bahawa pembangunan penuh dan menyeluruh sesebuah negara menghendaki penyertaan maksimum wanita.

Justeru, sebagai golongan yang asalnya tertindas disebabkan norma, sosial dan budaya yang tidak memihak kepada mereka, wanita tidak terus-menerus lena dan khayal dalam dunia yang 'dibumbungi' oleh golongan lawannya.

**Keluar daripada kepompong sempit**  
Sebaliknya, wanita bangun menuntut hak seiring perintah agama yang memuliakan setiap manusia tanpa mengira perbezaan biologi. Bermula dengan keluar daripada kepompong kehidupan yang sempit, wanita Malaysia mencari ilmu dan kemahiran untuk membuktikan keupayaan dalam semua bidang.

Pengaruh sosial yang meletakkan

wanita sebagai warga kelas dua turut menjadi cabaran untuk merealisasikan sunnah Rasulullah SAW yang mengangkat martabat wanita yang ditindas sejak era jahiliah.

Tentulah kita tidak lupa membaca sejarah bagaimana komitednya usahawan ternama, Saidatina Khadijah dalam perniagaan begitu juga cicinda Rasulullah SAW, Sukaynah Hussain dalam memperjuangkan hak wanita.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 2006 melaporkan bahawa jumlah pelantikan wanita sebagai pembuat dasar di Malaysia sangat tidak memberangsangkan.

Walaupun kerajaan mengesahkan komitmen untuk memastikan 30 peratus pembuat dasar dilantik daripada kalangan wanita, polisi dan program untuk merealisasikan hasrat itu tidak selari dengan iltizam dijanjikan.

Tetapi hari ini, apabila wanita semakin bijak, mereka menguasai pendidikan tinggi dan perkhidmatan awam, semakin ramai dilantik memegang jawatan sebagai pembuat keputusan. Aliran semasa menunjukkan merit kelayakan mengatasi pandangan stereotaip terhadap wanita.

### **Pertambahan wanita bertanding**

Ini membuktikan perbezaan biologi tidak lagi menjadi faktor utama dalam merencana agenda negara. Pertambahan bilangan calon wanita bakal merebut kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) turut memberi bayangan hala tuju kesamarataan gender yang dijamin undang-undang negara.

Pada PRU-13, seramai 56 calon wanita



**Lelaki juga meneroka bidang yang sebelum ini didominasi wanita .**

[GAMBAR HIASAN]

bertanding untuk kerusi Parlimen, manakala 112 calon di kerusi DUN. Jumlah ini menyaksikan lonjakan sebanyak hampir 40 peratus berbanding PRU-12 pada 2008 yang hanya meletakkan 120 orang calon wanita bagi perebutan kerusi Parlimen dan DUN.

### **FAKTA NOMBOR**

**56**  
calon wanita  
kerusi Parlimen

**112**  
calon kerusi **DUN**

Sedikit sebanyak senario ini memberi impak terhadap negara dalam pelbagai aspek. Ia bukanlah soal bagaimana bakal menghadapi situasi nasional yang bersifat matriaki, tetapi bagaimana untuk akur kepada hakikat ketidakseimbangan gender akibat kelemahan lelaki dalam pendidikan tinggi.

Kebimbangan terhadap pertambahan wanita dalam sektor perkhidmatan memang berasas berdasarkan keupayaan wanita sebagai sumber pengembangan zuriat. Tetapi wanita tiada pilihan kerana mereka mempunyai kepakaran diperlukan demi kemajuan dan pertumbuhan negara.

Khususnya dalam sektor pendidikan dan pengurusan. Jika keutamaan ini diabaikan, maka negara akan ketandusan tenaga yang akan menggerakkan ge-

rudinya. Sebab itulah keupayaan wanita tidak harus dilihat sebagai ancaman sebaliknya kaum lelaki harus mengajak mereka berjalan seiring.

Seperti mana wanita kembali membina empayar yang kukuh dalam masyarakat selepas kedatangan Islam dengan menguasai ilmu, itulah juga petua buat lelaki yang sudah lama lena dibuai mimpi.

Sistem pengambilan pelajar ke universiti berasaskan pemrograman komputer memfokuskan kepada merit kelulusan akademik jelas menunjukkan ilmu bakal menentukan kedudukan sesiapa saja dalam perkhidmatan tanpa cenderung kepada mana-mana jantina.

Oleh itu, jika ia tidak memihak kepada calon lelaki, ia bukan salah wanita. Kekangan yang timbul akibat penguasaan wanita dalam perkhidmatan awam hanyalah persepsi semata-mata dan ia belum dapat dibuktikan menjadi masalah utama dalam pembangunan masa depan negara.

Justeru, pandangan stereotaip terhadap keupayaan wanita perlu dinilai kerana ia menjadi ancaman kepada agama dan negara. Jangan pula wanita terpaksa berundur hanya kerana lelaki kian mundur. Sebaliknya mereka harus sama-sama memperkasakan diri.